



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 Jld. 6 (12)
Tarikh : 25 Julai 2025
Bersamaan : 29 Muharram 1447H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 10 TAHUN 2025

KADAR BAYARAN TENAGA PENGAJAR DAN FASILITATOR BAGI PENGAJARAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) SEMAKAN 2025

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar baharu bayaran tenaga pengajar dan fasilitator bagi pengajaran Micro-Credential (MC) UMT, semakan tahun 2025.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar bayaran tenaga pengajar Micro-Credential di UMT adalah di bawah seliaan Pusat UMT Life.
- 2.2 Pekeliling yang telah dikeluarkan berkaitan kadar bayaran tenaga pengajar dan fasilitator bagi pengajaran Micro-Credential (MC) di UMT adalah Pekeliling Bendahari Bil. 17 Tahun 2024 iaitu Kadar Bayaran Tenaga Pengajar Micro-Credential UMT.



- 2.3 Walaubagaimanapun, kadar yang dikenakan ini telah dibuat semakan semula pada tahun 2025 bagi tujuan penetapan harga yang fleksible berdasarkan bilangan peserta yang membolehkan program diteruskan tanpa menjejaskan kualiti pengajaran di samping memberi peluang kepada lebih banyak micro-credential dijalankan secara inklusif untuk komuniti sasaran yang berkeperluan.
- 2.4 Semakan kadar bagi bayaran tenaga pengajar dan fasilitator bagi pengajaran Micro-Credential (MC) UMT ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Penjanaaan Pendapatan (JPPP) UMT kali Ke-20 (Bil. 2/2025) pada 29 Mei 2025.

3. KADAR BAYARAN TENAGA PENGAJAR DAN FASILITATOR BAGI PENGAJARAN MICRO-CREDENTIAL DI UMT

Kadar bayaran tenaga pengajar dan fasilitator bagi pengajaran Micro-Credential di UMT di pecahkan kepada dua (2) kategori seperti berikut:

- a. Kadar bayaran tenaga pengajar dan fasilitator jika pelajar lebih daripada 20 orang:

Tahap	Kadar Bayaran MC mengikut Jam	
	Tenaga Pengajar	Fasilitator
Asas	RM100.00	RM50.00
Pertengahan	RM120.00	RM60.00
Lanjutan	RM150.00	RM75.00

Jadual 1: Kadar bayaran tenaga pengajar dan fasilitator jika pelajar lebih daripada 20 orang

b. Kadar bayaran tenaga pengajar dan fasilitator jika pelajar kurang daripada 20 orang:

Tahap	Kadar Bayaran MC mengikut Jam	
	Tenaga Pengajar	Fasilitator
Asas	RM50.00	RM25.00
Pertengahan	RM60.00	RM30.00
Lanjutan	RM75.00	RM37.50

Jadual 2: Kadar bayaran tenaga pengajar dan fasilitator jika pelajar kurang daripada 20 orang

4. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bilangan 17 Tahun 2024 adalah dibatalkan.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 29 Mei 2025.

Sekian, terima kasih.

"Kebersamaan UMT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5. Penolong Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Digital)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat)
7. Fail